

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 66

Hitung modal perniagaan bagi setiap situasi yang diberikan di bawah:

- (a) Raymond memulakan sebuah firma insurans am dengan menyumbangkan tunai di tangan RM1,200, tunai di bank RM5,000 dan bekalan pejabat RM850.

- (b) Roy menjalankan sebuah perniagaan jual-beli yang kecil selama dua tahun. Aset dan liabiliti pada akhir tahun yang kedua adalah:

Tunai	RM 420
Bank overdraf	RM1,640
Inventori	RM2,800
Sewa belum bayar	RM 480
Perabot	RM3,800

- (c) Ramon menyediakan baki-baki akaun perniagaan berikut bagi tahun berakhir 31 Mei 2017:

Bank	RM3,460
Akaun belum terima	RM1,230
Akaun belum bayar	RM 800
Lengkapan	RM6,400
Sewa prabayar	RM 400
Inventori alat tulis	RM 110

- (d) Raneer menjalankan sebuah salun rambut. Aset dan liabiliti perniagaan pada akhir tahun 2016 adalah seperti berikut:

Akaun belum bayar	RM2,400
Bekalan salun	RM4,350
Tunai runcit	RM 250
Bank	RM8,400
Sewa belum bayar	RM 560
Perabot	RM9,400
Pinjaman bank	RM5,000
Faedah belum bayar	RM 120